

**MAJLIS PEMBUKAAN AR-RAHNU CO-OPBANK PERSATUAN
CAWANGAN SHAH ALAM PADA 14 FEBRUARI 2018**

KENYATAAN MEDIA

1. Sehingga 31 Disember 2017, Co-opbank Persatuan telah berjaya mengumpul jumlah modal syer berbayar sebanyak RM366.03 juta dengan keanggotaan individu seramai 79,518 orang dan 653 buah koperasi.
2. Berdasarkan kedudukan akaun belum teraudit, CBP telah berjaya memperoleh pendapatan operasi yang tinggi sehingga iaitu RM198.6 juta dengan kedudukan Keuntungan Sebelum Cukai dan Zakat (PBTZ) lebih RM39 juta dan ianya melebihi bajet bagi tahun ini iaitu RM28 juta. Ini bermakna pendapatan operasi Co-opbank Persatuan telah meningkat 45% daripada prestasi 2016 (RM136.9 juta) dan keuntungan pula meningkat 52% (2016: RM25.7 juta).
3. Pencapaian ini adalah berdasarkan pertumbuhan pengeluaran pembiayaan yang dicapai pada tahun 2017 iaitu hampir RM670 juta meningkat 35% berbanding tahun 2016 iaitu sebanyak RM496 juta. Jumlah aset turut meningkat lebih 21% daripada RM1.73 bilion pada tahun 2016 kepada RM2.1 bilion pada tahun 2017.

4. Sehingga kini Co-opbank Persatuan mempunyai 20 buah cawangan di seluruh negeri di Malaysia. Cawangan yang pertama ialah Cawangan Butterworth yang beroperasi sejak tahun 1950. Cawangan Kota Kinabalu, Sabah ini merupakan cawangan ke-20 dan telah beroperasi pada 21 September 2016.
5. Bermula tahun 2014, Co-opbank Persatuan telah mula menawarkan produk Ar Rahnu dengan jumlah pembiayaan maksima sehingga RM 50,000.00. Sehingga kini 11 buah cawangan telah menawarkan produk Ar Rahnu kepada orang ramai iaitu Cawangan Butterworth, Nibong Tebal, Johor Bahru, Alor Setar, Putrajaya, Kuching, Kuala Terengganu, Kota Bharu, Seremban, Kota Kinabalu dan termasuklah Shah Alam.
6. Peningkatan yang memberangsangkan dapat dilihat berdasarkan prestasi Skim Ar Rahnu di cawangan Co-opbank Persatuan pada tahun 2017. Jumlah pembiayaan Ar Rahnu telah meningkat kepada 144% daripada RM5.98 juta pada tahun 2016 kepada RM14.64 juta pada tahun 2017.
7. Co-opbank Persatuan akan terus memberi tumpuan kepada peningkatan produk Ar Rahnu sebagai salah satu strategi bagi mempelbagaikan sumber pendapatan dengan kerjasama lebih 650 koperasi yang telah menjadi anggota. Untuk itu Co-opbank Persatuan telah mensasarkan untuk mengeluarkan pembiayaan melebihi RM170 juta menjelang tahun 2020 melalui Skim Ar Rahnu CBP.

8. Beberapa lokasi dan pasaran baharu untuk produk Ar Rahnu sedang diteliti dan menjelang akhir tahun 2018 ini semua cawangan Co-opbank Persatuan dijangka akan menawarkan produk Ar Rahnu.
9. Co-opbank Persatuan juga sedang mempergiatkan usaha bagi meningkatkan pendapatan berdasarkan fi dengan meneroka peluang-peluang perniagaan bersama rakan-rakan takaful yang mana sasaran perolehan bagi segmen ini akan meningkat pada kadar 10% setiap tahun daripada kedudukan semasa sekitar RM2.0 juta.
10. Bagi mempertingkatkan tahap rangkaian perkhidmatan kepada para pelanggan dan anggota, Co-opbank Persatuan menyasarkan untuk menyediakan perkhidmatan bank bergerak di kawasan luar bandar iaitu kawasan yang agak jauh dari cawangan Co-opbank Persatuan. Secara tidak langsung, ia menjadi satu medium pengiklanan yang akan sentiasa bergerak dari setempat ke setempat dan penyertaan yang meluas dalam program-program luar seperti ekspo / pameran bagi tujuan promosi, pemasaran dan CSR.
11. Di samping itu, Co-opbank Persatuan sedang dalam perancangan melaksanakan program Agen Bank. Antara kemudahan yang disediakan adalah simpanan dan pengeluaran tunai, pindahan dana, bayaran pembiayaan dan pembukaan akaun simpanan. Bayaran bil dan tambah nilai Pra-Bayar turut ditawarkan kepada pelanggan. Melalui program ini, para pelanggan boleh berurusan terus dengan Co-opbank Persatuan melalui agen-agen yang telah dilantik di seluruh Malaysia.

12. Kedua-dua kemudahan tersebut dijangka akan dapat disediakan kepada para pelanggan dan anggota selewat-lewatnya pada suku kedua tahun 2018 ini. Co-opbank Persatuan akan terus mengorak langkah untuk meluaskan dan mempertingkatkan perkhidmatan perbankan dalam pasaran yang sangat kompetitif dan dinamik dengan meneroka peluang dan pasaran baharu di seluruh Malaysia.

**TUAN HAJI KAMARI ZAMAN BIN JUHARI,
PENGERUSI CO-OPBANK PERSATUAN**

14 FEBRUARI 2018